

# WARTA SAWIT

Jangan lepaskan  
peluang  
memenangi RM100  
Sertai Kuiz Sawit  
SEKARANG!!!

Boleh didapati secara on-line di <http://palmoilis.mpob.gov.my/index.php/warta-sawit>

Naskhah PERCUMA terbitan Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

Bil. 72 (2)/Mei-Ogos 2019



**SAYANGI SAWITKU**  
Produk Malaysia 5★

## ***MSPPO Menjana Kelestarian Industri Sawit***



**YB PUAN TERESA KOK**  
Menteri Industri Utama Malaysia



ISSN 1394-4975



9 771394 497004



**Lembaga Minyak Sawit Malaysia**

Kementerian Industri Utama

6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tel: 03-8769 4400 Faks: 03-8925 9446 [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)



## Sidang Penerbit

PENASIHAT

**Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir**

PENGERUSI

**Mohamad Nor Abdul Rahman**

TIMBALAN PENERUSI/  
KETUA PENYUNTING

**Dr. Ramle Moslim**

PENYUNTING

**Dr. Norman Kamarudin**

**Ruba'ah Masri**

**Zulkifli Abd. Manaf**

**Raja Zulkifli Raja Omar**

**Khairuman Hashim**

**Anita Taib**

**Ramlan Mat Tamin**

**Noor Asmawati Abd. Samad**

**M. Ayatollah K. Ab. Rahman**

SETIAUSAHA

**Dr. Zaki Aman**

## KANDUNGAN

● Dari Meja Ketua Penyunting	<b>2</b>
● Pelaksanaan Pensijilan MSPO Pekebun Kecil Persendirian	<b>4</b>
● Sudut Teknologi - Kumbang Palma Merah (RPW) – Ancaman terhadap Sawit	<b>6</b>
● Sudut Kreatif Sawit	<b>10</b>
● Kuiz Sawit	<b>11</b>
● Sedutan Akhbar	<b>13</b>
● Sembang Sawit	<b>15</b>
● Berita Bergambar	<b>16</b>
● Tahukah Anda? - Pekebun Kecil Sawit Peneraju Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM)	<b>18</b>
● Diari & Peristiwa	<b>20</b>
● Profil Komoditi	<b>23</b>
● Peladang Jaya	<b>26</b>
● Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit	<b>28</b>
● Direktori MPOB	<b>29</b>

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak boleh dianggap dipersetujui MPOB.



**DARI MEJA**

**KETUA PENYUNTING**

Isu kelestarian minyak sawit serta tohmahan negatif yang dilemparkan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) antisawit telah memberi cabaran yang hebat kepada industri sawit Malaysia untuk berkembang dengan pesat pada peringkat domestik dan antarabangsa. Justeru itu, kerajaan telah mengambil langkah proaktif menjenamakan produk sawit Malaysia melalui pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). Pelaksanaan pensijilan ini meliputi keseluruhan rangkaian industri sawit di Malaysia. Pensijilan MSPO ini menekankan kualiti, keselamatan dan kelestarian produk sawit Malaysia. Sebanyak 162 Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) telah ditwujudkan di seluruh negara bagi tujuan pensijilan MSPO di kalangan pekebun kecil persendirian yang berjumlah hampir 250 000 pekebun kecil sawit.

Isu penerimaan harga sawit yang tidak setara oleh pekebun kecil telah mencetuskan idea penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM). Penubuhan KPSM dilihat dapat membantu pekebun kecil dengan

menyediakan alternatif pemasaran dan menawarkan harga yang maksimum. Sehingga 30 Jun 2019, 57 KPSM telah ditubuhkan oleh MPOB untuk membantu pekebun kecil memasarkan buah tandan segar (BTS) mereka. Melalui KPSM, pekebun kecil dapat digabungkan dan membentuk satu kumpulan besar yang memberi kelebihan dari segi skala ekonomi berbanding secara bersendirian.

Sudut Teknologi akan membincangkan potensi serangan kumbang palma merah (RPW) ke atas pokok sawit. Walaupun Malaysia belum menghadapi serangan serius perosak ini tetapi adalah lebih wajar pekebun kecil dapat memahami serta mempunyai pengetahuan tentang RPW, yang telah terbukti sebagai perosak berbahaya bagi tanaman palma di seluruh dunia. Pekebun kecil perlu peka dan melaporkan kepada MPOB sekiranya terlihat tanda serangan pada pokok sawit atau menjumpai serangga perosak tersebut. Pemantauan awal dapat mengelakkan berlakunya kerosakan serangan yang teruk pada masa hadapan.

Segmen keratan akhbar memaparkan cerita-cerita berkaitan industri sawit Malaysia. Melalui petikan ringkas, pekebun kecil dapat memahami isu-isu semasa serta langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menangani isu tersebut.

Ketidaktentuan harga sawit di pasaran dunia telah memberi impak kepada pekebun kecil persendirian. Oleh itu, segmen profil komoditi yang menyalurkan maklumat terkini kedudukan pasaran minyak sawit dunia dan tempatan.

Kerajaan amat peka terhadap keperluan pekebun kecil sawit dan memberi perhatian untuk terus memajukan

industri sawit terutama yang melibatkan pekebun kecil. Oleh itu, diharap pekebun kecil juga memainkan peranan yang penting dengan memberi sokongan dan komitmen kepada semua usaha yang dirancang dan dilaksanakan oleh agensi kerajaan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.



Dr. Ramle Moslim

Pengarah Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan  
ramle@mpob.gov.my

## Sudut Renungan



Untuk berjaya di dunia, kita hendaklah berusaha dengan bersungguh-sungguh seperti mana terjemahan ayat di dalam Al-Quran iaitu: untuk memperoleh (kejayaan) yang seperti inilah hendaknya orang-orang yang beramal melakukan amal usahanya dengan bersungguh-sungguh (di dunia).

Surah As-Saaffat: ayat 61

# PELAKSANAAN PENSIJILAN MSPO PEKEBUN KECIL PERSENDIRIAN

Pada masa kini, industri sawit berdepan pelbagai cabaran dalam dan luar negara terutamanya berkaitan dengan isu kemampanan yang boleh menggugat pasaran produk sawit di peringkat global. Hal ini telah mendorong kerajaan untuk mengambil inisiatif memastikan pengeluaran minyak sawit Malaysia dihasilkan secara mampan bagi menangani masalah tersebut. Salah satu usaha kerajaan bagi meningkatkan pasaran minyak sawit Malaysia di peringkat global adalah melalui pelaksanaan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). Pelaksanaan pensijilan ini adalah sejajar dengan keutamaan negara pengimport dan pengguna yang semakin beralih kepada produk sawit yang dihasilkan melalui amalan mampan serta selamat untuk dimakan. Pelaksanaan pensijilan MSPO meliputi sektor pekebun kecil, perladangan serta pengilangan sawit. Pekebun kecil persendirian (PKP) adalah tidak terkecuali daripada pelaksanaan pensijilan ini kerana mereka terlibat dalam rantai penghasilan produk sawit serta merupakan 40% penyumbang kepada penghasilan minyak sawit Malaysia. Pelaksanaan pensijilan MSPO telah diperkenalkan pada 2015 dan akan dimandatorikan mulai 1 Januari 2020.

Peningkatan kesedaran PKP mengenai amalan kemampanan mula meningkat setelah pengumuman pelaksanaan mandatori pensijilan ini dilakukan oleh pihak kerajaan pada 2017. Hal ini dapat dibuktikan melalui peningkatan bilangan PKP yang menghadiri sesi taklimat MSPO yang dianjurkan oleh MPOB dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan. Pertambahan bilangan PKP yang mendapat pensijilan MSPO juga didapati meningkat iaitu dari 1286 orang pada 2016 kepada 5586 orang pada 2018. Taklimat MSPO yang disampaikan kepada PKP menekankan 7 Prinsip MSPO, Amalan Pertanian Baik (GAP), aspek sosial termasuk kebajikan pekerja, penjagaan alam sekitar serta pemuliharaan hidupan liar bagi flora dan fauna.

Penglibatan PKP dalam pensijilan MSPO ini adalah penting untuk memastikan mereka juga menghasilkan buah tandan segar (BTS) yang mampan dan dapat meningkatkan pendapatan melalui GAP. Pelaksanaan pensijilan MSPO yang menekankan aspek kemampanan juga bertujuan untuk membezakan produk sawit Malaysia daripada produk sawit keluaran negara pesaing yang lain bagi membolehkan produk sawit Malaysia memperoleh harga yang lebih tinggi. Selain daripada itu, pensijilan ini juga akan digunakan sebagai asas untuk menjenamakan produk sawit Malaysia daripada segala persepsi negatif yang dibuat ke atas produk sawit secara umum yang sering dikaitkan dengan kemusnahan hutan, alam sekitar dan mengancam habitat hidupan liar. Persepsi ini telah menjejaskan imej minyak sawit Malaysia.

*“Kelompok  
Minyak Sawit  
Mampan (SPOC)  
telah diwujudkan  
di seluruh  
Malaysia oleh  
MPOB.”*

Sehingga Disember 2018, jumlah PKP yang berlesen di Malaysia ialah sebanyak 250 299 orang. Kedudukan geografi kebun PKP di Malaysia kebanyakannya tidak setempat dengan jarak di antara setiap kebun agak jauh. Keadaan ini agak sukar untuk MPOB mensijilkan PKP secara individu. Sehubungan itu, bagi memudahkan proses pensijilan MSPO, proses pensijilan dilaksanakan secara berkelompok. Sebanyak 162 Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) telah diwujudkan di seluruh Malaysia oleh MPOB. SPOC ditubuhkan berdasarkan maklumat dan kedudukan pekebun sawit serta bilangan Pegawai

*“Kerajaan telah menyediakan insentif sebanyak RM30 juta pada 2019 bagi pembiayaan kos yuran pengauditan MSPO, latihan berkaitan MSPO, penyediaan rak penyimpanan bahan kimia dan peralatan perlindungan diri (PPE).”*



Pengembangan MPOB (TUNAS). Bilangan anggaran PKP dalam setiap SPOC adalah 1000 hingga 2000 orang dengan purata luas 4000 hingga 8000 ha. Melalui sistem SPOC, PKP akan dikelompokkan mengikut kawasan menjadi satu kumpulan yang diselia secara terus oleh Pegawai TUNAS MPOB.

Pensijilan melalui SPOC dapat memudahkan pegawai TUNAS MPOB untuk mengurus tadbir pelaksanaan pensijilan tersebut serta memantau pematuhan PKP terhadap keperluan MSPO. Selain itu, dengan adanya kelompok ini, ia akan memudahkan MPOB menjalankan aktiviti pengembangan, menyampaikan teknologi terkini dalam pengurusan sawit, menyalurkan sebarang bantuan kerajaan, mewujudkan koperasi dan melaksanakan lain-lain projek sawit secara berkelompok. Sehingga 31 Januari 2019, terdapat 162 SPOC di seluruh Malaysia dan daripada jumlah ini, 95 SPOC telah mendapat sijil MSPO dengan bilangan 6888 PKP dengan keluasan 24 882 ha. PKP yang belum menyertai SPOC boleh berhubung atau terus ke pejabat TUNAS MPOB berhampiran untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan pelaksanaan pensijilan MSPO.

Kerajaan amat prihatin terhadap beban kos pensijilan MSPO yang perlu ditanggung oleh PKP. Sehubungan itu, kerajaan telah menyediakan

insentif sebanyak RM30 juta pada 2019 bagi pembiayaan kos yuran pengauditan MSPO, latihan berkaitan MSPO, penyediaan rak penyimpanan bahan kimia dan peralatan perlindungan diri (PPE). Justeru, PKP perlu mengambil serius tentang pelaksanaan pensijilan MSPO ini dan memberi kerjasama sepenuhnya kepada pegawai TUNAS MPOB dalam memastikan proses pensijilan berjalan dengan lancar. Malaysia juga akan terus komited dan tegas dalam menangani kempen boikot sawit oleh Kesatuan Eropah atau mana-mana negara pengimport yang membabitkan masa depan hampir 250 000 PKP sawit di negara ini.



Sumbangan:

Nazira Khabibor Rahman dan Nur Hanani Mansor  
nazira@mpob.gov.my dan nurhanani@mpob.gov.my

## SUDUT TEKNOLOGI

# KUMBANG PALMA MERAH (RPW) – ANCAMAN TERHADAP SAWIT

### PENDAHULUAN

Kumbang palma merah (RPW) atau dikenali dengan nama saintifiknya, *Rhynchophorus ferrugineus* dan *R. vulneratus* merupakan serangga perosak utama tanaman palma di seluruh dunia (Rajah 1). Serangga perosak ini telah mengancam



Rajah 1. Perbezaan morfologi *R. ferrugineus* (kiri) yang berbintik hitam dan *R. vulneratus* (kanan) yang berjalur.

tanaman kurma di Timur Tengah, tanaman palma hiasan di Sepanyol dan Perancis serta tanaman kelapa di India dan Malaysia. Di Eropah, RPW telah diklasifikasikan sebagai serangga berbahaya di bawah senarai A2 oleh *European and Mediterranean Plant Protection Organisation* (EPPO) (EPPO, 2008). Di bawah EPPO, serangga perosak dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu A1 dan A2. A1 bermaksud serangga tersebut masih tiada di 52 negara Eropah dan Mediterranean. Manakala A2 pula bermaksud serangga tersebut telah direkodkan kehadirannya di negara-negara tersebut. Spesies RPW, *R. ferrugineus* merupakan spesies utama yang berbahaya dan dipercayai telah dibawa masuk secara tidak sengaja ke Malaysia melalui tanaman kurma dari pintu sempadan dan tanpa permit yang sah (Wahizatul

*et al.*, 2013). Kehadirannya di Malaysia mula disedari di Stesen Jabatan Pertanian Rhu Tapai, Terengganu pada 2007. Hasil tinjauan oleh Jabatan Pertanian Terengganu mendapati serangan RPW telah dikesan di hampir 58 lokasi tanaman kelapa di sekitar Terengganu. Kini, kehadiran RPW spesies *R. ferrugineus* telah direkodkan di hampir semua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali di Melaka dan Negeri Sembilan. Spesies ini telah diwartakan di Malaysia sebagai serangga perosak di bawah Akta Kuarantin 1976 pada 2011.


### POTENSI ANCAMAN KUMBANG PALMA MERAH (RPW) TERHADAP SAWIT DI MALAYSIA

Analisis data dari Jabatan Pertanian pada 2011 menunjukkan kawasan serangan telah merebak dari 58 lokasi kepada 585 lokasi di sekitar Terengganu (DOA, 2011) (Rajah 2). Corak serangan pada mulanya tertumpu di sepanjang pantai Terengganu tetapi telah mula bergerak ke bahagian pedalaman yang melibatkan kawasan tanaman sawit yang lebih padat. Hal ini telah menimbulkan kerisauan sekiranya RPW mula menyerang tanaman sawit iaitu komoditi utama negara yang telah menyumbang hampir RM 77.85 bilion nilai eksport tahunan Malaysia pada 2017 (Bernama, 2018).

Oleh itu, kajian mengenai potensi kehadiran RPW di ladang sawit milik FELCRA, FELDA, dan TDM Bhd. di Terengganu menggunakan perangkap feromon telah dilaksanakan (Nur Ain Farhah, 2013; Azman, 2016). Ladang-ladang ini berhampiran dengan tanaman kelapa yang telah diserang oleh RPW. Hasil kajian mendapati tiada kesan kerosakan dilaporkan pada sawit yang disebabkan oleh RPW. Setakat ini, satu laporan kehadiran RPW dikesan di kebun sawit di Kelantan pada 2018. Namun setelah diperiksa, sawit tersebut mati bukan disebabkan oleh serangan RPW.

### KITAR HIDUP KUMBANG PALMA MERAH (RPW)

Anggaran kitar hidup RPW adalah enam bulan. Seekor dewasa betina RPW mampu menghasilkan hampir 250 biji telur pada satu masa. Setelah persenyawaan berlaku, kumbang betina akan bertelur pada lubang atau celahan yang dihasilkan oleh kumbang badak ketika menyerang pokok sawit di peringkat muda. Telur RPW berwarna kuning terang dan akan bertukar menjadi larva selepas tiga hari (Molet *et al.*, 2011). Larva




Rajah 2. Corak serangan RPW pada tanaman kelapa yang mula bertukar ke kawasan pedalaman di Terengganu pada 2011.

merupakan peringkat hidup RPW yang paling berbahaya kerana ia akan mengorek batang dan umbut sebelum memakan tisu lembut. Aktiviti berterusan oleh larva RPW ini akhirnya menyebabkan kematian pokok yang diserang. Setelah 60-100 hari, larva tersebut akan bertukar

menjadi pupa yang hidup selama 21 hari. Kemudian, pupa akan bertukar menjadi dewasa RPW yang aktif membiak selama 100-120 hari (Ali *et al.*, 2018). Terdapat pelbagai corak dengan bintik hitam yang berbeza di bahagian kepala dewasa RPW.

### TABURAN PERANGKAP RPW MALAYSIA



Rajah 3. Peta menunjukkan serangan RPW seluruh Malaysia.

## TANDA SERANGAN KUMBANG PALMA MERAH (RPW) PADA POKOK KELAPA

Sehingga kini, tiada awal serangan RPW dikenal pasti kerana sifat serangga ini yang misteri dan tersembunyi di bahagian umbut kelapa. Kehadiran RPW biasanya akan disedari apabila serangan telah berada pada peringkat akhir dan pokok tersebut sudah tidak dapat diselamatkan. Pada peringkat ini, pokok akan mengeluarkan cecair berbau masam di sekitar lubang masuk RPW. Pucuk pokok akan menjadi layu, pelepah akan patah dan akhirnya tinggal tunggul (Wahizatul *et al.*, 2017) (Rajah 4).



Rajah 4. Tanda serangan RPW peringkat akhir serangan RPW pada pokok kelapa. Pucuk kelapa mulai layu dan pelepah patah.

## PENGURUSAN PEROSAK BERSEPADU KUMBANG PALMA MERAH PADA TANAMAN KELAPA

Program pengurusan perosak bersepadu meliputi fasa pencegahan dan kawalan. Pelbagai teknik pengesanan awal RPW seperti penggunaan alat akustik telah dicipta dan digunakan di seluruh dunia. Di antaranya ialah alat akustik *IoTree* yang dibangunkan oleh Syarikat Agrint Sensing Solutions di Amerika Syarikat (Rajah 5).

Terdapat beberapa komponen penting dalam program kawalan IPM yang telah diperkenalkan oleh Unit Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Malaysia. Semua komponen ini saling berkait dan perlu dilaksanakan secara bersepadu. Pemasangan perangkap feromon pada jarak 1 ha mampu mengawal serangan daripada terus merebak. Perangkap tersebut biasanya turut dilengkapi umpan makanan *kairomone* iaitu buah-buahan yang mengeluarkan bau masam seperti nanas, *ethyl acetate*, air, dan sabun bagi mengelakkan serangga tersebut lari setelah terperangkap. Selain itu, kawasan yang terlibat dengan serangan RPW akan dibersihkan. Kebiasaannya, pokok yang diserang akan ditebang dan dibakar bagi mengelakkan ia menjadi tempat pembiakan RPW atau kumbang badak. Proses pembakaran tersebut perlulah mendapat kebenaran dari Jabatan Alam Sekitar.

Kawalan kimia pula melibatkan penggunaan racun kimia dan dilakukan oleh individu terlatih mengikut peraturannya. Bagi pokok yang masih kecil, tiga ke empat butiran *carbofuran* akan diletakkan di lubang masuk pada pokok. Bagi pokok rendah, pucuk pokok akan disembur dengan racun *Cypermethrin* manakala bagi pokok tinggi, suntikan batang menggunakan racun *Metamidophos* atau *Monocrotophos* dilakukan ketika cuaca kering dan pokok sihat. *Soil drenching* atau semburan racun pada pangkal pokok juga boleh dilakukan menggunakan racun *Imidacloprid* atau *Dinotefuran*. Bagi kawalan IPM di pintu masuk sempadan, bahan tanaman yang diimport akan dikuarantin untuk memastikan ia bebas daripada kehadiran semua peringkat RPW.

MPOB telah memulakan inisiatif pengesanan awal RPW sejak tahun 2018 menggunakan sensor *IoTree*. Kajian ini telah dijalankan di kebun sawit di Batang Merbau, Tanah Merah, Kelantan. Sehingga kini, tiada tanda kerosakan pada sawit akibat serangan RPW direkodkan di lokasi berkenaan. Serangga perosak ini dilihat masih tidak mampu menyebabkan kerosakan terhadap pokok sawit melainkan pokok tersebut telah terlebih dahulu diserang oleh serangga lain seperti kumbang badak. Walau bagaimanapun, pengusaha ladang sawit dan pekebun kecil persendirian perlu sentiasa berwaspada dengan kehadiran RPW di kawasan mereka. Pekebun kecil khususnya perlu melaporkan kepada MPOB atau Jabatan Pertanian sekiranya menjumpai serangga ini di kawasan tanaman sawit. MPOB akan sentiasa memantau kehadiran RPW ini di ladang sawit bagi mengelakkan serangan dan kerosakan yang boleh diakibatkan oleh serangga ini pada masa akan datang.



Rajah 5. Alat sensor IoTree yang digunakan sebagai alat pengesan RPW di pokok sawit.

## RUJUKAN

Ali, H; Muhammad, A dan Hou, Y (2018). *Absence of Wolbachia in red palm weevil, Rynchophorus ferrugineus Olivier (Coleoptera: Curculionidae): A PCR-based approach. Applied Ecology and Environmental Research*, 16: 1819-1833.

Azman, M (2016). Kumbang palma merah ancam Kelantan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/node/208626>.

BERNAMA (2018). Eksport minyak, produk sawit negara cecah RM78 bilion. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2018/03/394865/eksport-minyak-produk-sawit-negara-cecah-rm78-bilion>

DOA (Department of Agriculture) (2011). *Report on current status of attack of the Red Palm Weevil, Rynchophorus ferrugineus in Terengganu, Malaysia: Government Press*.

EPPO (European and Mediterranean Plant Protection Organisation) (2008). *Rynchophorus ferrugineus. European and Mediterranean Plant Protection Organization Bulletin*, 37: 571-579.

Molet, T; Roda, AL dan Jackson, LD (2011). *CPHST Pest Datasheet for Rynchophorus ferrugineus*. In: USDA-APHIS-PPQ-CPHST. <http://www.aphis.usda.gov/1> December 2012.

Nur Ain Farhah, R S K (2013). *Influence of pheromone-based mass trapping system on Red Palm Weevil, Rynchophorus ferrugineus (Coleoptera: Curculionidae) in selected Federal Land Development Authority (FELDA) oil palm plantations in Terengganu*. Tesis Master, Universiti Malaysia Terengganu.

Wahizatul, A A; Chong, J L; Hazlina, A Z; Norhayati, Y; Wan Bayani, W O; Yong, K W; Ainatun, N Z dan Mohd Haris, H (2017). *The red palm weevil Rynchophorus ferrugineus: Current issues and challenges in Malaysia. Oil Palm Bulletin*, 74: 17-24.

Wahizatul, A A; Zazali, C; Abdul Rahman, A R dan Nurul 'Izzah, A G (2013). *A new invasive coconut pest in Malaysia: The red palm weevil (Curculionidae: Rynchophorus ferrugineus)*. *The Planter*, 89: 97-110.



Sumbangan:  
Nur Ain Farhah Ros Saiden Khudri  
[ainfarhah@mpob.gov.my](mailto:ainfarhah@mpob.gov.my)



## TRIFLE KASTARD SANTAN SAWIT



### Bahan A

Tepung kastard	3 sudu
Gula	3 sudu
Santan sawit	100 ml
Krimer	100 ml
Air	50 ml
Teh esen vanilla	1 sudu
Air lemon	1 sudu

### Bahan B

Agar-agar kering (warna kristal)	1 bungkus
Air	250 ml

### Bahan hiasan

Kek Paun	100 g
Buah strawberi	
Buah beri biru ( <i>blueberry</i> )	
Buah pic	

### Cara Memasak Bahan A

1. Satukan semua bahan A dan kacau bahan sehingga sebati.
2. Masak bahan A (kastard) yang telah sebati menggunakan api yang sederhana hingga pekat, kemudian ketepikan.

3. Potong kek paun bersaiz 1 cm, susun dalam cawan/mangkuk penuh ruang cawan/mangkuk tersebut.
4. Kemudian tuangkan kastard ke atas lapisan kek. Letakkan bahan hiasan di atas adunan kastard tekan sedikit.
5. Masukkan ke dalam peti sejuk.

### Cara Memasak Bahan B

1. Masak agar-agar bersama air sehingga larut lebih kurang 2-3 minit.
2. Curah agar-agar yang telah masak ke atas adunan kastard tadi. Sejukkan di dalam peti sejuk.
3. Setelah sejuk, trifle kastard santan sawit sedia untuk dihidangkan.



Sumbangan:

Cik Juwita Abd Gafar dan Cik Siti Norhaslinda Mohd Sari  
juwita@mpob.gov.my dan norhaslinda@mpob.gov.my

### PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar dengan keterangan yang lengkap berserta nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Setiap sumbangan yang disiarkan dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB. Sila hantar ke alamat: **Sudut Kreatif Warta Sawit**, 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. u/p: Unit Khidmat Pengembangan, Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan Emel: reza@mpob.gov.my, WhatsApp: 017-8219 693

**????????? Kuiz Sawit ???????????**

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah **RM100** sekiranya berjaya menjawab lima soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya **tiga** penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

**Syarat penyertaan**

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Sila bulatkan jawapan yang betul;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **31 OKTOBER 2019**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar faks/emel jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit  
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.  
*u/p: Unit Khidmat Pengembangan,  
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan  
melalui Aplikasi WhatsApp 017-8219 693  
ATAU fakskan ke 03-8920 2932  
ATAU emelkan kepada reza@mpob.gov.my*

**WHATSAPP  
SEKARANG !!!  
017-8219 693  
PENGHANTARAN  
BORANG PENILAIAN  
MELALUI APLIKASI  
WHATSAPP**

**JANGAN  
LEPASKAN  
PELUANG  
MEMENANGI  
RM100  
MELALUI APLIKASI  
WHATSAPP**

**SUMBER MAKLUMAT UNTUK MENJAWAB SOALAN KUIZ INI ADALAH BERDASARKAN  
ARTIKEL-ARTIKEL DALAM WARTA SAWIT BIL. 72 (2)/MEI-OGOS 2019.**

## SOALAN KUIZ SAWIT BIL. 72 (2)/MEI-OGOS 2019

- 1) Berapakah jumlah Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) yang telah menerima sijil MSPO sehingga 31 Januari 2019?
  - a. 105 SPOC
  - b. 95 SPOC
  - c. 75 SPOC
  - d. 55 SPOC
- 2) Apakah racun yang digunakan melalui kaedah suntikan batang bagi mengawal kumbang palma merah (RPW)?
  - a. *Kairomone*
  - b. *Carbofuran*
  - c. *Cypermethrin*
  - d. *Monocrotophos*

- 3) Fokus utama aktiviti KPSM bagi jualan BTS berkelompok adalah?
- Membantu pekebun kecil mendapatkan harga yang optimum
  - Memudahkan pekebun kecil
  - Saling bertukar pendapat antara ahli
  - Meningkatkan hasil pekebun kecil
- 4) Bilakah RPW mula diwartakan sebagai serangga perosak di bawah Akta Kuarantin 1976?
- 2008
  - 2009
  - 2010
  - 2011
- 5) Manakah antara berikut BUKAN tanda serangan RPW pada tanaman kelapa?
- Pokok mengeluarkan cecair berbau masam
  - Pucuk pokok menjadi layu
  - Buah kelapa menjadi bujur
  - Daun pelepah patah

Nama : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_  
No. Telefon : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**JAWAPAN SOALAN KUIZ WARTA SAWIT  
BIL. 71 (1)/JANUARI-APRIL 2019**

- b
- c
- d
- a
- c

**NAMA PEMENANG KUIZ SAWIT**

- Nur Fatin Atikah bt. Kamanuri, Batang Kali, Selangor
- Zaiton bt. Ismail, Taiping, Perak
- Ahmad b. Aziz, Dabong, Kelantan

# SEDUTAN AKHBAR

## MUDAH CARA PEMILIKAN TANAH KEBUN SAWIT ORANG ASLI

Sinar Harian, 16 Mei 2019

**ROMPIN** - Kementerian Industri Utama memohon supaya Menteri Besar dan Ketua Menteri dapat memudahkan cara pemilikan tanah yang diusahakan oleh masyarakat Orang Asli dengan tanaman sawit. Timbalan Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin berkata, ini kerana pemilikan tanah merupakan syarat utama dalam pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO), yang wajib dipatuhi menjelang hujung tahun ini.

“Kerajaan telah menetapkan pensijilan MSPO yang melibatkan penyertaan semua pihak dalam industri sawit termasuk pekebun kecil, pengusaha ladang dan pihak pengilang bagi memastikan minyak sawit negara kita dihasilkan melalui pengeluaran mampan.

“Kami menghadapi beberapa cabaran untuk membantu pekebun Orang Asli mendapatkan pensijilan MSPO tapi isu yang paling mencabar ialah dalam isu pemilikan tanah dan berharap mendapat kerjasama Ketua Menteri dan Menteri Besar untuk menyelesaikannya” katanya di sini, hari ini.

## KERAJAAN SASAR 75% PEKEBUN KECIL SAWIT MILIKI SIJIL MSPO

Berita Harian, 10 Jun 2019

**MELAKA** - Menjelang 1 Januari tahun depan, Kementerian Industri Utama mensasarkan kira-kira 75% daripada keseluruhan pekebun kecil sawit di seluruh negara memiliki pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Timbalan Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin berkata, pada masa ini dianggarkan 35% daripada keseluruhan 600 000 pekebun kecil sawit di seluruh negara mempunyai pensijilan berkenaan.

“Pensijilan MSPO ini penting bagi memastikan setiap titis minyak sawit di negara ini diiktiraf sebagai minyak berkualiti. Malah, melalui perakuan sijil tersebut, seterusnya dapat meningkatkan harga pasaran sawit pada masa depan.

“Di peringkat kementerian, kita sedang berusaha bersungguh-sungguh supaya kesemua pekebun kecil sawit ini mempunyai 100% pensijilan MSPO.

“Sebab itu kita (kementerian) sedang berusaha bersungguh-sungguh ke arah mencapai 100% pensijilan MSPO. Kita berharap kumpulan pekebun kecil dapat memberikan kerjasama, seterusnya kita yakin dengan adanya pensijilan ini maka kualiti sawit boleh dipertingkatkan,” katanya.

## MALAYSIA KINI PENGEKSORT MINYAK SAWIT TERBESAR KE INDIA

Berita Harian, 31 Julai 2019

**MUMBAI** - Malaysia bakal mengatasi Indonesia sebagai pembekal utama minyak sawit ke India, tahun ini, ketika New Delhi mengenakan cukai import lebih rendah terhadap minyak sawit bertapis dari Malaysia yang memberikan Kuala Lumpur kelebihan berbanding Jakarta, menurut pegawai perdagangan.

Peningkatan penghantaran minyak sawit bertapis akan membantu syarikat penapis minyak Malaysia dan mengurangkan simpanan di negara pengeluar kedua terbesar dunia itu, namun menjejaskan syarikat penapis minyak India yang mengimport minyak sawit mentah. India adalah pengimport minyak sawit terbesar dunia.

Januari lalu, New Delhi mengurangkan duti import terhadap penghantaran minyak sawit daripada 54% kepada 50%, namun duti ke atas Malaysia adalah 45% sahaja ekoran Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif yang dimeterai kedua-dua negara, sedekad lalu.

## KERAJAAN BENTUK JAWATANKUASA KHAS PANTAU HARGA MINYAK SAWIT MENTAH

Online: [malysiakini \(www.malysiakini.com\)](http://malysiakini.com), 14 Jun 2019

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Bersama Khas yang diketuai oleh Kementerian Industri Utama bagi memantau dan memastikan harga minyak sawit mentah (MSM) kekal stabil apabila negara melaksanakan penggunaan bahan api biodiesel B20 pada tahun hadapan.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok Suh Sim berkata, jawatankuasa khas itu yang juga merangkumi Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Jabatan Perdana Menteri akan membincangkan subjek berkenaan sebelum dilaksanakan menjelang 2020.

"Jadi, semasa mesyuarat kabinet, semua kementerian dalam jawatankuasa bersama itu telah bersetuju untuk bekerjasama kerana ia melibatkan undang-undang serta peraturan di pelbagai kementerian dan agensi kerajaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kedua FMM-MPOB mengenai Perlaksanaan Biodiesel (B7) di Sektor Industri di sini.

Katanya, Malaysia berhasrat untuk menubuhkan satu dana penstabilan biodiesel untuk membantu memantapkan harga bahan api bio, serta menjadikan bahan api itu lebih menarik kepada pengguna.

"Kami akan berbincang dengan kementerian-kementerian lain bagi mewujudkan satu mekanisme baharu untuk memastikan bahawa apabila harga MSM tinggi, kita masih dapat menstabilkan harga bahan api bio di pasaran," katanya.

## MSPO BANTU MINYAK SAWIT DIJUAL HARGA TINGGI

Sinar Harian, 29 Julai 2019

**ISKANDAR PUTERI** - Pengiktirafan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) oleh negara luar akan membolehkan minyak sawit Malaysia dapat dijual dengan harga yang tinggi.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok berkata, perkara itu dinyatakan beberapa syarikat besar yang mengimport minyak sawit negara dan telah mengiktiraf MSPO.

"Mereka juga telah mengiktiraf MSPO dan mereka sudi bayar dengan harga yang lebih tinggi.

"Jadi, ini maklum balas yang kita sudah ada," katanya kepada pemberita sebelum mengadakan sesi dialog bersama pemilik dan pengurusan kilang sawit Johor di Hotel Jen Puteri Harbour, di sini hari ini. Selain itu katanya, pensijilan MSPO kini telah diterima oleh Jawatankuasa Olimpik Jepun yang mengelolakan temasya tersebut pada tahun depan.

Beliau berkata, kerajaan terus komited dalam memastikan pensijilan MSPO mendapat pengiktirafan negara-negara luar termasuklah Eropah.

## 'TAKUT DIKEJAR LHDN CETUS SALAH FAHAM ISU MSPO'

Berita Harian, 6 Ogos 2019

**MARAN** - Kebimbangan 'dikejar' Lembaga Hasil Dalam Negeri (LDHN) menjadi punca sebahagian pekebun kecil sawit enggan memohon pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Menteri Industri Utama, Teresa Kok berkata, MSPO tidak mempunyai kaitan dengan LDHN, sebaliknya adalah pensijilan mengikut standard pensijilan Jerman dan mampu meningkatkan harga dan pasaran sawit di peringkat antarabangsa.

"Pekebun kecil tidak perlu bimbang dengan MSPO kerana mendapatkan MSPO tidak bermakna anda dikejar LDHN untuk membayar cukai pendapatan. Dua perkara ini (MSPO dan LDHN) adalah perkara yang sangat berbeza".

"MSPO seperti mendapatkan lesen memandu. Memperoleh lesen tidak bermakna anda mempunyai kereta dan kaya sehingga boleh dikenakan cukai," katanya selepas menghadiri Taklimat MSPO dan Dialog bersama Penanam Sawit Pahang di Dewan Akademik Usahawan Tani Kampung Awah di sini, hari ini.

Sehubungan itu, Teresa meminta lebih ramai pekebun kecil sawit membuat permohonan mendapatkan pensijilan itu, yang penting untuk bersaing dengan sawit Indonesia yang mempunyai pensijilan Minyak Sawit Mampan Indonesia (ISPO).

**TSPKS, IPPKS TAK BEBANKAN PEKEBUN KECIL - TERESA**

Berita Harian, 8 Ogos 2019

**TANJUNG KARANG** - Skim Pinjaman Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) dan Skim Pinjaman Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS) yang diperkenalkan kerajaan tidak membebankan pekebun kecil sawit kerana kadar faedah yang dikenakan hanya 2% setahun.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok berkata, Kementerian Kewangan memperuntukkan RM550 juta bagi tujuan itu, iaitu RM500 juta akan diperuntukkan bagi TSPKS dan RM50 juta bagi IPPKS.

“Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan mula menerima permohonan mulai 15 Ogos ini dan Agrobank akan menguruskan semua permohonan,” katanya pada Majlis Taklimat MSPO dan Sesi Dialog Bersama Penanam Sawit Selangor di Dewan Tan Sri Noh Omar, di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC), Chew Jit Seng dan Pengarah Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan MPOB, Dr. Ramle Moslim.

Dalam pada itu, Teresa berkata, kerajaan tidak lagi memperkenalkan Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) kerana mahu berlaku adil dengan agensi lain seperti FELDA dan FELCRA.

**SEMBANG SAWIT**



Kempen ‘Sayangi Sawitku’ telah dilancarkan pada 24 Mac 2019 oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Pulau Carey, Selangor. Fokus utama ialah bagi mendidik, mengenali dan menghargai sumbangan industri sawit kepada pembangunan sosioekonomi Malaysia.

# Berita Bergambar



YB Timbalan Menteri (tengah) bersama peserta MSPO sempena program Jom MSPO, pekebun kecil sawit Orang Asli Pahang bertempat di Dewan Besar DARA, Muadzam Shah, Pahang pada 27 Mei 2019.

YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha MPI (tengah) menyampaikan sijil MSPO kepada pekebun kecil sempena Program Taklimat MSPO bertempat di Dewan Dato' Lee Tian Hock SJK (C) Yik Chiao, Bukit Pelanduk, Negeri Sembilan pada 13 Mei 2019.



Program Pameran dan Taklimat Kempen Sayangi Sawitku di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Serting, Negeri Sembilan pada 27 Jun 2019.

Pegawai Penyelidik MPOB memberi penerangan semasa demonstrasi pembuatan sabun kepada guru-guru PPD Petaling Perdana di Makmal AOTD Ibu Pejabat MPOB, Bangi pada 27 Jun 2019.





YB Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akim, Timbalan Menteri Industri Utama (dua dari kiri) beramah mesra bersama pekebun kecil sempena program Taklimat MSPO penanam sawit Melaka bertempat di Dewan Laman Deris RTC Sg. Rambai, Jasin, Melaka pada 13 Julai 2019.

YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama (MPI) melawat gerai pameran sempena Seminar Pameran Teknologi (TOT) 2019 bertempat di Ibu Pejabat MPOB Bangi, pada 9 Julai 2019.



YB Menteri dan YB Timbalan Menteri melihat produk sawit sempena Program Pameran Komoditi bertempat di Senai, Johor pada 24-25 Julai 2019.

YB Menteri MPI bergambar bersama pekebun kecil sempena Majlis Taklimat MSPO Penanam Sawit Perak bertempat di Kuala Kangsar, Perak pada 22 Julai 2019.





## PEKEBUN KECIL SAWIT PENERAJU KOPERASI PENANAM SAWIT MAMPAN (KPSM)

Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) merupakan sebuah model pembangunan kepada pekebun kecil sawit persendirian pada masa kini. Penubuhannya bertujuan untuk menyatu dan memperkasakan pekebun kecil sawit persendirian untuk kebaikan bersama. Peningkatan pendapatan dan sosioekonomi pekebun kecil sentiasa menjadi agenda utama dalam pelaksanaan aktiviti KPSM. Melalui penubuhan KPSM ini, sedikit sebanyak dapat membantu menyelesaikan masalah pekebun kecil setempat. KPSM menjadi penghubung antara pekebun kecil dengan pihak kilang. Komunikasi ini dapat membantu pekebun kecil menghantar BTS terus ke kilang berdekatan dan mendapat kadar perahan minyak (OER) yang lebih baik. Dengan adanya KPSM, pekebun kecil yang menjadi ahli KPSM dapat menjual BTS secara

berkelompok terus ke kilang. Melalui KPSM, pekebun kecil berhak untuk mengetahui kadar OER yang ditawarkan kilang, timbangan yang telus dan operasi jual beli dibuat oleh KPSM.

Sehingga 30 Jun 2019, sebanyak 57 KPSM telah berjaya ditubuhkan di seluruh Malaysia dengan jumlah keahlian seramai 6261 orang. Aktiviti utama KPSM ialah jualan BTS berkelompok terus ke kilang dan penjualan input pertanian. Fokus utama aktiviti KPSM dalam jualan BTS berkelompok adalah untuk membantu pekebun kecil mendapatkan harga BTS yang optimum melalui rundingan dengan pihak kilang dan juga alternatif baharu kepada mereka dalam memasarkan hasil BTS.

KPSM juga dapat mewujudkan kerjasama di kalangan pekebun kecil persendirian dan sebagai pemangkin untuk mereka berubah. Perubahan ini secara tidak langsung akan memberi kebaikan dan keuntungan dari aspek peningkatan pengeluaran sawit mampan sekali gus meningkatkan pendapatan.

Koperasi seperti KPSM adalah satu institusi yang menggembeling ahlinya untuk bertindak secara berkumpulan bagi mencapai objektif mereka. Kejayaan sesuatu koperasi terletak kepada kesungguhan semua ahli untuk merealisasikan matlamat penubuhan koperasi mereka. Dengan adanya koperasi, pekebun kecil mempunyai saluran alternatif untuk menyampaikan masalah mereka dengan lebih berkesan. Suara mereka juga lebih didengari kerana mereka mewakili sekumpulan individu berbanding jika bersendirian. Selaras dengan itu, pekebun kecil digalakkan untuk menyokong dan menyertai KPSM untuk kebaikan bersama.



*Barisan Ahli Lembaga Koperasi menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan KPSM.*



*Penerangan daripada Ahli Lembaga Koperasi kepada pekebun kecil setempat.*



*Ahli koperasi semasa pembukaan Pusat Timbang KPSM.*

**RUJUKAN**

Nazirah, C J; Zaki, A dan Idris, O (2012). Koperasi sebagai institusi peningkatan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil: Kajian Kes Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM). *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2012*. m.s. 99-108.

Sarmila, M S; Zaimah, R; Rusyda, R; Novel, L; Rosniza, A C R; Sivap Alan, S; Nur, H M; Nazirah, C J; Zaki, A dan Mohd, K A I (2016). Sumbangan koperasi terhadap pembangunan komuniti pekebun kecil sawit: Kajian kes Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) Daerah Temerloh, Pahang dan Saratok, Sarawak. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2016*. m.s. 117-133.



Sumbangan:  
Nazirah Che Jaafar  
nazirah@mpob.gov.my

# DIARI & PERISTIWA

(September-Disember 2019)

SENARAI KURSUS UNTUK PEKEBUN KECIL ANJURAN TUNAS MPOB			
Program/Kursus	Tarikh	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi:
<b>ZON UTARA</b>			
Taklimat/ Promosi Pensijilan MSPO/ Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM)	11/9/2019 24/9/2019 28/9/2019	SPOC A12, A13, A14 Taiping, Perak Rivertel Hotel, Perak Dewan Persatuan Peneroka, Bandar Baru Changkat Lada, Perak	<b>Penyelaras TUNAS Zon Utara</b> En. Parthiban Kannan Tel: 05-623 4104 <i>parthiban@mpob.gov.my</i>
Kursus Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil/ Ahli Kelab 30 Tan	18/12/2019 7/11/2019	SPOC P1 dan SPOC K3 Mukim Sg. Tinggi, Larut Matang, Perak	
<b>ZON SELATAN 1</b>			
Taklimat/ Promosi Pensijilan MSPO/ KPSM	21/9/2019 14/10/2019 15/10/2019 20/10/2019 21/10/2019	Balairaya Kg. Gembut dan PPK Kota Tinggi Timur Kluang 1 (SPOC J2) Dewan Serbaguna Kg. Contoh Kahang (SPOC J1) Dewan Serbaguna Paloh (SPOC J5) Dewan Serbaguna Chamek	<b>Penyelaras TUNAS Zon Selatan 1</b> Pn. Norsuhana Dahari Tel: 07-789 1133 <i>nursuhana@mpob.gov.my</i>
<b>ZON SELATAN 2</b>			
Taklimat/ Promosi Pensijilan MSPO/ KPSM	19/10/2019 22/10/2019	Kompleks Penghulu Batu 18, Ayer Hitam, Muar, Johor (SPOC J35) Balairaya Rengit, Johor	<b>Penyelaras TUNAS Zon Selatan 2</b> Pn. Hasmiza Desa Tel: 07-454 5130 <i>hasmiza.desa@mpob.gov.my</i>
<b>ZON SABAH 1</b>			
Program Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil/ Ahli Kelab 30 Tan Taklimat/ Promosi Pensijilan MSPO/ KPSM	12/9/2019 26/9/2019 17/10/2019 17/10/2019 23/10/2019 24/10/2019 27/11/2019	Dewan Kg. Sg. Apas Kota Belud, Sabah Perpustakaan Sipitang Dewan Ontoros Tenom Dewan Serbaguna Beluran Dewan Masyarakat Ranau Dewan Komuniti Kota Marudu	<b>Penyelaras TUNAS Zon Sabah 1</b> En. Amran Arifin Tel: 088-493 700 <i>amranarifin@mpob.gov.my</i>
Lawatan Sambil Belajar Pekebun Kecil	25/9/2019 26/9/2019 27/9/2019	KKS Malsa KKS Langkon KKS Taupos	
<b>ZON SARAWAK 1</b>			
Taklimat/ Promosi Pensijilan MSPO/ KPSM	23/9/2019 23/9/2019 26/9/2019 6/10/2019 16/10/2019 23/11/2019	Bilik Taklimat Perpustakaan Saratok Dewan Sk. Siong Tengah, Sibu Rumah Joan, Simpang Kabo, Kabo Dewan Datuk Aaron Dagang Dewan Maludam, Pasu Dewan Serbaguna SPAOH (SPOC Q10)	<b>Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 1</b> En. Arfan Johari Tel: 083-436 273 <i>arfan@mpob.gov.my</i>

\*Nota: Sebarang perubahan tarikh dan tempat adalah tertakluk kepada penganjur. Mohon hubungi pegawai terlibat untuk sebarang maklumat lanjut. Borang permohonan MSPO boleh diperolehi dari laman sesawang [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my).

# PUSAT MAKLUMAT SAWIT

## LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA



M P O B



Palm Oil Information Online Service

Melalui portal PALMOILIS (Palm Information Online Service) @ <http://palmoilis.mpob.gov.my>, perpustakaan menyediakan khidmat carian, pautan dan muatun maklumat secara online kepada pengguna.

02

01



MALAYSIAN PALM OIL BOARD

Perpustakaan Sumber menyediakan bahan-bahan rujukan yang relevan kepada penyelidikan sawit untuk pengguna.



Galeri Sawit adalah pusat pameran kecemerlangan R&D sawit di mana pelbagai aplikasi sawit dalam sektor hulu, pertengahan dan hiliran dipaparkan untuk meningkatkan kesedaran pengguna mengenai industri sawit.

03



PalmShopee merupakan pusat promosi dan jualan penerbitan MPOB, produk teknologi MPOB, produk berasaskan sawit, cenderahati korporat dan penerbitan luar yang berkaitan.

04

Pusat Maklumat Sawit,  
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB),  
6, Persiaran Institusi Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang,  
Selangor, MALAYSIA

Tel: 603-8769 4927 / 603-8769 4923  
Fax: 603-8925 4213

Email: [pms@mpob.gov.my](mailto:pms@mpob.gov.my) /  
[palmoilis@mpob.gov.my](mailto:palmoilis@mpob.gov.my)

# BORANG PENILAIAN WARTA SAWIT

Sila tandakan penilaian anda berkenaan *Warta Sawit* ini mengikut skala di bawah. MPOB menghargai pandangan dan komen anda untuk menambah baik *Warta Sawit* pada masa akan datang.

Skala:

1 – Rendah    2 – Sederhana    3 – Baik    4 – Memuaskan    5 – Cemerlang

Penilaian							Komen (Jika ada)
1	Kandungan <i>Warta Sawit</i> mudah difahami	1	2	3	4	5	
2	Maklumat dalam <i>Warta Sawit</i> merupakan maklumat terkini dalam industri sawit negara	1	2	3	4	5	
3	Maklumat dalam <i>Warta Sawit</i> membantu dalam menguruskan penanaman sawit	1	2	3	4	5	
4	Berikan skor untuk <i>Warta Sawit</i> keluaran ini	1	2	3	4	5	

5. Bagaimana anda mendapat *Warta Sawit* ini?

- Pegawai TUNAS MPOB                       Portal MPOB  
 Pejabat TUNAS MPOB                       Lain-lain, nyatakan \_\_\_\_\_  
 Seminar/Kursus anjuran MPOB                      \_\_\_\_\_



6. Berikan idea anda untuk menambah baik *Warta Sawit* ini.

---

---

---

7. Adakah anda ingin MPOB mengirimkan *Warta Sawit* ini kepada anda? Jika YA, nyatakan alamat anda untuk penghantaran.

---

---

---

8. Adakah Direktori yang disertakan berguna atau tidak?

---

Terima kasih kerana sudi meluangkan masa anda untuk memberikan penilaian dan pandangan.

Untuk mengembalikan jawapan anda, sila ikuti tertib berikut:

1. Ambil gambar borang penilaian ini menggunakan telefon pintar anda, dan
2. Hantar gambar tersebut melalui aplikasi *WhatsApp* ke 017-8219 693

MPOB sangat menghargai sumbangan anda.

# PROFIL KOMODITI

(MEI-JULAI 2019)

Prestasi industri sawit Malaysia mencatatkan keadaan bercampur-campur bagi tempoh Mei-Julai 2019. Harga produk sawit menurun manakala pengeluaran dan eksport produk sawit pula mencatat peningkatan. Stok minyak sawit pula mencatatkan penurunan selari dengan peningkatan eksport.

Harga minyak sawit mentah (MSM) bagi tempoh Mei-Julai 2019 telah menunjukkan trend penurunan. Harga MSM telah menyusut sebanyak RM89.00 (atau 4.5%) kepada RM1879 setan pada Julai 2019 berbanding RM1968 setan pada Jun 2019 (*Jadual 1*). Harga isirung sawit (PK) pula telah menyusut sebanyak RM6.50 atau 0.6% kepada RM1086 setan pada Julai 2019 berbanding RM1092.50 setan pada Jun 2019. Selari dengan kelemahan harga MSM dan PK di pasaran, harga buah tandan segar (BTS) turut mencatatkan penurunan. Harga BTS (di pintu kilang) telah menyusut sebanyak 5.0% atau RM19 kepada RM366 setan pada Julai 2019 berbanding RM385 setan pada Jun 2019.

Sementara itu, harga minyak sayuran utama dunia seperti minyak sawit dan kacang soya

turut mengalami kejatuhan harga. Harga MSM di pasaran dunia telah menyusut daripada USD515 setan pada Mei kepada USD503 setan pada Jun dan terus menyusut kepada USD497 setan pada Julai 2019. Harga minyak kacang soya pula telah menyusut sebanyak USD7 atau 1.0% kepada USD726 setan pada Jun berbanding USD733 setan pada Mei namun kembali meningkat kepada USD742 setan pada Julai 2019.

Kejatuhan harga minyak sayuran dunia ketika ini adalah disebabkan oleh perang dingin perdagangan di antara Amerika Syarikat (AS) dan China yang telah menyebabkan permintaan terhadap kacang soya keluaran Amerika Syarikat (AS) oleh China berkurangan. Selain itu, kesan daripada keadaan cuaca yang lebih baik di AS juga telah menyebabkan pengeluaran kacang soya adalah lebih tinggi pada tahun ini berbanding musim menuai tahun sebelumnya. Faktor ini telah menambahkan lagi tekanan terhadap harga minyak kacang soya untuk terus lebih rendah di pasaran.

Kesan daripada kelemahan harga minyak sawit di pasaran telah menyebabkan jumlah

**JADUAL 1. PERGERAKAN HARGA PURATA MSM, PK DAN BTS (RM/t)**

Bulan	2018			2019		
	MSM	PK	BTS	MSM	PK	BTS
Januari	2 486.50	2 411.00	520	2 037.00	1 453.00	414
Februari	2 488.00	2 170.50	535	2 100.50	1 280.50	421
Mac	2 426.50	1 889.50	516	1 903.50	1 145.50	373
April	2 418.00	1 856.50	514	2 018.50	1 141.00	388
Mei	2 396.00	1 789.50	498	1 946.50	1 088.50	375
Jun	2 324.00	1 654.50	480	1 968.00	1 092.50	385
Julai	2 215.00	1 736.00	456	1 879.00	1 086.00	366
Ogos	2 183.50	1 850.50	467	-	-	-
September	2 177.50	1 770.00	456	-	-	-
Oktober	2 082.00	1 551.50	429	-	-	-
November	1 830.50	1 347.50	370	-	-	-
Disember	1 794.50	1 390.00	363	-	-	-
<b>Purata (Januari-Julai)</b>	<b>2 393.50</b>	<b>1 967.50</b>	<b>503</b>	<b>1 977.00</b>	<b>1 197.50</b>	<b>388</b>
<b>Purata (Januari-Disember)</b>	<b>2 232.50</b>	<b>1 827.50</b>	<b>468</b>	-	-	-


Sumber: MPOB (2019).

permintaan eksport bagi minyak sawit lebih baik pada suku tahun kedua 2019. Eksport minyak sawit pada bulan Julai adalah 2.30 juta tan iaitu telah meningkat sebanyak 0.10 juta tan atau peningkatan sebanyak 7.4% berbanding 2.10 juta tan yang dicatatkan pada Jun 2019. Namun begitu, kesan daripada kelemahan harga produk sawit, pendapatan eksport telah berkurang sebanyak RM2.20 bilion atau berkurang sebanyak 5.7% kepada RM36.75 bilion pada Januari-Julai 2019 berbanding RM38.95 bilion pada Januari-Julai 2018.

Pengeluaran MSM bagi tempoh Mei-Julai 2019 didapati lebih tinggi berbanding tempoh yang sama pada 2018. Jumlah pengeluaran MSM adalah 4.93 juta tan pada Mei-Julai 2019 berbanding 4.36 juta tan pada Mei-Julai 2018, iaitu peningkatan sebanyak 13.0% (Rajah 1). Peningkatan pengeluaran MSM ini disebabkan oleh peningkatan hasil buah sawit dan kualiti BTS yang diproses oleh kilang BTS serta peningkatan kadar perahan minyak (KPM).

Jadual 4 menunjukkan lain-lain petunjuk prestasi terpilih industri sawit Malaysia. Pada Januari-Julai 2019, hasil BTS didapati telah meningkat sebanyak 7.0% kepada 9.95 tan/ha berbanding pada 9.21 tan/ha pada Januari-Julai 2018. Kadar perahan minyak (KPM) pula telah meningkat sebanyak 1.0% kepada 20.06% pada Januari-Julai 2019 berbanding 19.86% yang dicapai pada Januari-Julai 2018. Lanjutan daripada prestasi eksport yang menurun didapati stok minyak sawit telah meningkat sebanyak 17.0% kepada 2.71 juta tan untuk tempoh Januari-Julai 2019 berbanding 2.31 juta tan yang direkodkan pada Januari-Julai 2018.

Kesan daripada harga minyak sawit yang rendah di pasaran, didapati telah merangsang prestasi eksport produk sawit dan menyumbang kepada pengurangan paras stok minyak sawit. Faktor ini sedikit sebanyak akan memberikan petanda awal bahawa prestasi industri sawit negara bagi suku tahunan ketiga dan keempat pada 2019 akan lebih menyinar dengan harga minyak sawit yang dijangka naik dan eksport minyak sawit yang terus mengukuh.



Rajah 1. Pengeluaran bulanan minyak sawit mentah pada 2019/2018.

JADUAL 2. PRESTASI JUMLAH EKSPORT PRODUK SAWIT (t)

Produk	Mei 2019	Jun 2019	Julai 2019	Januari - Julai		Beza	
				2019	2018	tan	%
Minyak sawit	1 714 567	1 383 216	1 485 216	10 862 359	9 430 693	1 431 666	15.2
Minyak isirung	92 108	86 066	83 806	594 169	542 177	51 992	9.6
Dedak isirung	238 770	214 918	218 501	1 517 495	1 313 167	204 28	15.6
Oleokimia	290 895	254 188	288 251	1 888 811	1 788 293	100 518	5.6
Produk akhir	43 967	43 308	50 322	345 407	329 103	16 304	5.0
Biodiesel	66 617	31 022	78 920	366 993	270 954	96 039	35.4
Lain-lain	126 614	87 653	95 880	599 485	556 915	42 570	7.6
<b>Jumlah</b>	<b>2 573 538</b>	<b>2 100 371</b>	<b>2 300 897</b>	<b>16 174 720</b>	<b>14 231 302</b>	<b>1 943 418</b>	<b>13.7</b>

Sumber: MPOB (2019).

JADUAL 3. PRESTASI NILAI EKSPORT PRODUK SAWIT (RM juta)

Produk	Mei 2019	Jun 2019	Julai 2019	Januari-Julai		Beza	
				2019	2018	tan	%
Minyak sawit	3 801.26	3 036.18	3 176.85	24 045.01	24 537.45	(492.44)	(2.0)
Minyak isirung	296.65	269.66	254.35	1 976.93	2 561.21	(584.28)	(22.8)
Dedak isirung	91.72	82.51	88.23	601.95	605.91	(3.96)	(0.7)
Oleokimia	1 110.37	952.47	1 021.05	7 204.73	8 610.00	(1 405.27)	(16.3)
Produk akhir	194.80	190.22	218.95	1 492.72	1 465.91	26.81	1.8
Biodiesel	176.53	91.25	200.11	968.41	789.38	179.03	22.7
Lain-lain	88.14	70.63	78.70	460.59	383.04	77.55	20.2
<b>Jumlah</b>	<b>5 759.46</b>	<b>4 692.93</b>	<b>5 038.24</b>	<b>36 750.32</b>	<b>38 952.90</b>	<b>(2 202.58)</b>	<b>(5.7)</b>

Sumber: MPOB (2019).

JADUAL 4. PETUNJUK PRESTASI INDIKATOR TERPILIH  
INDUSTRI SAWIT MALAYSIA

Indikator	Mei 2019	Jun 2019	Julai 2019	Januari-Julai		Beza	
				2019	2018	Jumlah	%
Hasil BTS (t/ha)	1.40	1.34	1.51	9.95	9.21	0.52	7.0
KPM (%)	20.00	19.89	20.11	20.06	19.86	0.20	1.0
Stok (t)	2 444 487	2 410 746	2 391 677	2 707 727	2 312 602	395 125	17.0

Sumber: MPOB (2019).



Sumbangan:  
 Ayatollah K. Ab Rahman; Norfadilah Hashim dan Balu Nambiappan  
 (ayat@mpob.gov.my; dila@mpob.gov.my dan balu@mpob.gov.my)

## PELADANG JAYA

### PENUBUHAN KPSM KEMABONG TENOM BERHAD



KEMABONG, 2 Mei 2019 - Ahli Dewan Undangan Negeri Kemabong, Sabah, YB Jamawi Jaafar menyumbang RM10 000 kepada Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) Kemabong Tenom Berhad sebagai modal permulaan sempena perasmian Pusat Timbang Buah Sawit.

Jamawi berterima kasih kepada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) kerana memilih Daerah Kecil Kemabong sebagai tempat pembinaan pusat timbang ini. Terdahulu kerajaan melalui MPOB telah memberi geran sebanyak RM200 000 untuk membina pusat timbang buah sawit yang diuruskan oleh KPSM Kemabong Tenom Berhad. Penubuhan koperasi ini akan dapat membantu pekebun kecil sawit mendapat harga yang lebih baik dan juga harga input pertanian seperti baja dan racun lebih murah kerana pembelian dilakukan secara pukal. Ini secara langsung dapat mengurangkan kos pengeluaran buah tandan sawit.

Pada sebelah pagi MPOB telah menyampaikan kertas kerja bertajuk *Cabaran dan Hala tuju Koperasi Penanam Sawit Mampan* dan Taklimat Perlaksanaan MSPO. Ahli-ahli koperasi digalakkan untuk memohon pensijilan MSPO yang akan dikuatkuasakan bermula 1 Januari 2020.

Pengerusi KPSM, En. Sigoh Lunam mengesyorkan 91 ahli koperasi mengambil perlindungan kemalangan berkelompok



supaya dapat meringankan beban kepada waris sekiranya kemalangan berlaku. Wakil dari Progressive Insurance Bhd., Hj. Maarof Abbas telah menerangkan kebaikan insurans berkelompok kepada ahli koperasi.

Walaupun kedudukan geografi Daerah Kemabong terletak di kawasan pedalaman namun Pusat Timbang Buah Sawit telah berjaya dibuka dan ia telah memberi manfaat dan kemudahan kepada pekebun kecil sawit sekitar untuk menghantar buah sawit mereka. Selain itu, ahli KPSM Kemabong juga berjaya meningkatkan hasil sawit mereka setelah mendapatkan khidmat nasihat sawit daripada Pegawai TUNAS MPOB. Pegawai TUNAS sentiasa berhubung dengan pekebun kecil dan memberikan informasi serta tunjuk ajar berkaitan pengurusan sawit mengikut Amalan Pertanian Baik (GAP) kepada mereka. Pekebun kecil sekitar dan ahli KPSM berharap kerjasama ini dapat diteruskan demi manfaat kepada industri sawit negara.



YB Jamawi Jaafar memotong reben sempena perasmian Koperasi Penanam Sawit mampan Kemabong Tenom Berhad pada 2 Mei 2019.



Sumbangan:  
Amran Arifin

# TEMPAHAN IKLAN DALAM WARTA SAWIT

**M**POB mempelawa syarikat-syarikat yang berminat untuk mengiklankan perniagaan, produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor pekebun kecil sawit dalam *Warta Sawit*. Kos untuk pengiklanan bagi saiz A4 (halaman dalam berwarna) adalah RM800 manakala saiz A4 (halaman belakang) adalah RM1000. Diskaun 20% diberikan kepada syarikat yang membuat tempahan iklan untuk tiga keluaran berturut-turut. Semua cek adalah atas nama 'Ketua Pengarah MPOB'. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

**Ainul Shazwin Sahidan**  
(Tel: 03-8769 4497)  
ainul.shazwin@mpob.gov.my

atau

**Reza Ashraf Zakaria**  
(Tel: 03-8769 4997)  
reza@mpob.gov.my

Faks: 03-8920 2932

Anda juga boleh membuat tempahan iklan menerusi aplikasi *Whatsapp*. Sila ambil gambar borang iklan ini dan hantar ke 017-821 9693. Pegawai kami akan menghubungi anda untuk urusan lanjut.

Tarikh akhir pesanan iklan dalam *Warta Sawit* adalah seperti berikut:

Bilangan terbitan	Keluaran	Tarikh akhir tempahan dan penghantaran filem dan cek
73/(3) 2019	September - Disember 2019	30 November 2019
74/(1) 2020	Januari - April 2020	31 Mac 2020
75/(2) 2020	Mei - Ogos 2020	31 Julai 2020

## SLIP TEMPAHAN

Ketua Pengarah MPOB  
6, Persiaran Institusi  
Bandar Baru Bangi  
43000 Kajang, Selangor

U/P: Reza Ashraf Zakaria - Unit Khidmat Pengembangan  
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

Syarikat kami berminat untuk menempah iklan dalam *Warta Sawit* MPOB. Sila tandakan (✓) dalam kotak berkenaan:

<input type="checkbox"/> Halaman dalam A4 (warna)	<input type="checkbox"/> (satu keluaran) RM800	<input type="checkbox"/> (tiga keluaran) RM1900
<input type="checkbox"/> Kulit belakang (warna)	<input type="checkbox"/> RM1000	<input type="checkbox"/> RM2400

Nama Syarikat:	
Alamat:	No. Tel:
	No. Faks:
Nama Pegawai:	
E-mel:	<i>Warta Sawit</i> Bil:

Tandatangan

Tarikh

# MANUAL PENGREDAN BUAH KELAPA SAWIT

SIRI 8

## \*iv. Tandan Mengkal

Tandan Mengkal ialah tandan yang mesokarpa buah lapisan luarnya berwarna kuning-oren dan mempunyai kurang daripada sepuluh (10) soket buah relai (Gambar 4)


## v. Tandan Muda

Tandan Muda adalah tandan yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- mesokarpa buah lapisan luarnya berwarna kuning-oren dan tidak mempunyai soket buah relai (Gambar 5a); atau
- mesokarpa buah lapisan luarnya berwarna kuning sama ada mempunyai soket ataupun tiada soket buah relai (Gambar 5b).



Gambar 4. Tandan Mengkal.



Gambar 5(a). Tandan Muda.



Gambar 5(b). Tandan Muda.

MPOB telah mengeluarkan buku *Manual Pengredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015)*. Buku ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti pengeluaran minyak dan isirung sawit. Buku boleh diperoleh secara:

Pembelian tunai di **PalmShope MPOB:**

Ibu Pejabat MPOB (03-8769 4908),

Stesen Penyelidikan Kluang (07-789 1131), Wisma Sawit Kelana Jaya (03-7820 2854),

Stesen Penyelidikan Keratong (09-451 4400), Pejabat Cawangan Kuantan (09-572 9696) dan

Pejabat Wilayah Sabah (088-493 702)

**ATAU**

Pembelian melalui pos dengan menghantar wang pos, draf bank, deposit tunai ke akaun MPOB (No. Akaun CIMB: 8600466967) atau cek atas nama 'Ketua Pengarah MPOB' ke:

- Palmshoppe Ibu Pejabat MPOB  
Peti Surat 10620, 50720 Kuala Lumpur (u/p: Mohd Rizal Reduan)  
No. Tel: 03-8769 4908 No. Faks: 03-8925 4213  
Laman Web: [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)



# Direktori

## M P O B

	Alamat	No. Telefon dan Faks
<b>Ibu Pejabat</b>	Lembaga Minyak Sawit Malaysia 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor	Tel : 03-8769 4400 Faks : 03-8925 9642
<b>Pejabat Wisma Sawit</b>	Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan, Wisma Sawit, Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor	Tel : 03-7802 2800 Faks : 03-7803 3533
<b>Pejabat Wilayah</b>	<b>MPOB Wilayah Utara</b> Suite 11.02, Tingkat 11, Wisma Pantai, Jalan Kg. Gajah 12200 Butterworth, Pulau Pinang	Tel : 04-323 0490/0526 Faks : 04-323 0527
	<b>MPOB Wilayah Tengah</b> Lot PT 11545, No. 3, Jalan P/9B, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor	Tel : 03-8911 0000 Faks : 03-8911 0006
	<b>MPOB Wilayah Selatan</b> Tingkat 3, Bangunan Timjaya, No. 127, Batu 4 ½, Jalan Skudai, 81200 Johor Bahru, Johor	Tel : 07-232 7551/7552/7553 Faks : 07-232 7554
	<b>MPOB Wilayah Timur</b> Lot PT 76928, Bangunan MPOB, Bandar Indera Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang	Tel : 09-572 9696 Faks : 09-572 9876
	<b>MPOB Wilayah Sarawak</b> Tingkat 4, Crown Towers 88, Jalan Pending, 93450 Kuching, Sarawak	Tel : 082-342 871/484 051 Faks : 082-342 876
	<b>MPOB Wilayah Sabah</b> Pusat Maklumat dan Taman Sawit (OPPIC) Lot 1, Jalan 1A, KKIP Timur, Off Jalan Norowot, 88460 Kota Kinabalu, Sabah	Tel : 088-493 700/702/703/705 Faks : 088-493 709

## SKIM PEMBIAYAAN MUDAH (TSPKS)



# TANAM SEMULA PEKEBUN KECIL SAWIT



Membantu meringankan beban kewangan pekebun kecil bagi melaksanakan penanaman semula sawit

## KADAR PEMBIAYAAN

**RM10,000**  
PER HEKTAR (SEMENANJUNG)

**RM14,000**  
PER HEKTAR (SABAH & SARAWAK)

## SYARAT PERMOHONAN

- Warganegara Malaysia berumur 18 tahun - 58 tahun.
- Pekebun kecil persendirian dengan jumlah pemilikan tanah tidak melebihi 40.46 hektar.
- Memiliki sawit berusia lebih 25 tahun.
- Memiliki lesen MPOB.

BAYARAN  
BALIK  
BERMULA  
TAHUN  
KE-5

KADAR  
KEUNTUNGAN  
**2%**

LUAS  
MAKSIMA  
**6.5**  
HEKTAR

### KELEBIHAN PEMBIAYAAN

- Lulus Segera
- Tanpa Cagaran
- Ansuran Mudah
- Tanpa Penjamin

## DOKUMEN DIPERLUKAN

1. Salinan Kad Pengenalan
2. Salinan Geran Tanah
3. Salinan Lesen MPOB



Borang permohonan boleh diperoleh di semua  
Pejabat MPOB & Agrobank bermula  
**15 Ogos 2019**

## SKIM PEMBIAYAAN MUDAH (IPPKS)



# INPUT PERTANIAN PEKEBUN KECIL SAWIT



Membeli input pertanian seperti anak benih, baja serta bahan kawalan perosak seperti racun rumpai dan racun serangga perosak.

**KADAR  
PEMBIAYAAN**

**RM2,500**  
PER HEKTAR

**PEMBIAYAAN  
MAKSIMA**

**RM16,250**

**TEMPOH  
PEMBIAYAAN**

**24**  
BULAN

**KADAR  
KEUNTUNGAN**

**2%**

**KELEBIHAN PEMBIAYAAN**

- Lulus Segera
- Tanpa Cagaran
- Ansuran Mudah
- Tanpa Penjamin

## SYARAT PERMOHONAN

- Warganegara Malaysia berumur 18 tahun - 58 tahun.
- Pekebun kecil persendirian dengan jumlah pemilikan tanah tidak melebihi 40.46 hektar.
- Memiliki sawit berusia kurang daripada 22 tahun.
- Memiliki lesen MPOB.

## DOKUMEN DIPERLUKAN

1. Salinan Kad Pengenalan
2. Salinan Geran Tanah
3. Salinan Lesen MPOB



Borang permohonan boleh diperolehi di semua  
Pejabat MPOB & Agrobank bermula  
**15 Ogos 2019**

think green. think briar



## Meningkatkan produktiviti, Memelihara kualiti tanah dengan efektif, Melindungi alam sekitar dan pertumbuhan yang mampan

Baja kimia organik yang terkini, Formula nutrien yang berkesan, Terdiri daripada fosforus larut, Diperbuat daripada bahan mentah yang berkualiti



**MPOB**  
Formulated by  
Malaysian Palm Oil Board



**SUPER K18**



**SUPER K28**



**NARSCO FERT**



**MPOB F5 SUPER**



**MPOB F5 SUPER**



**MPOB F5**

**Briar Resources Sdn Bhd (1085890-X)**

No.2-1 Jalan Kiara 2, Kawasan Perniagaan Kiara, 43500 Semenyih, Selangor

Tel: +6012 405 1725 Fax: +603 8727 6555

www.briar.com.my info@briar.com.my

